BH 11.02.2008 m/s 86

Guru berpengalaman bantu atasi keciciran

WALAUPUN Malaysia kini sedang memasuki fasa 15 tahun yang kedua ke arah mencapai Wawasan 2020 mahu atau tidak, kita harus akui hakikat adanya jurang pendidikan antara di bandar dengan luar bandar.

Kerajaan sememangnya sudah melakukan beberapa usaha bagi merapatkan jurang pendidikan itu tetapi masih ada ruang dan pendekatan lain yang boleh dilakukan.

Timbalan Dekan Fakulti Pendidikan UKM, Profesor Dr T Subahan Mohd Meerah yang membicarakan tajuk, *Profil Kanak-kanak Terpinggir: Pengalaman Dari Kajian* berkata, guru berpengetahuan dan berpengalaman amat diperlukan bagi membantu kanak-kanak terpinggir itu.

Beliau berkata, walaupun guru mendapat latihan yang sama tetapi keupayaan guru adalah berdasarkan pengalaman dan secara asasnya, semakin banyak pengalaman maka semakin matang seseorang guru itu. Selain itu, kemantapan ilmu juga tidak kurang penting supaya guru berkenaan dapat menyesuaikan diri untuk menyampaikan pembelajaran cara yang sesuai dengan mengambil kira latar belakang pelajar terbabit.

"Kebanyakan guru dilatih untuk pengajaran umum. Jika difikirkan semula bagaimanakah seorang guru hendak mengajar murid yang mempunyai kepelbagaian, termasuk latar budaya, agama dan etnik yang berbeza serta ditambah dengan suasana kehidupan kanak-kanak terpinggir itu. Untuk itulah latihan yang diberikan kepada guru perlu dimantapkan lagi supaya ekuiti dan kualiti dapat dipertingkatkan" katanya.

Subahan berkata, aspek kanak-kanak yang menerima pembelajaran juga perlu dilihat. Pertama, adakah mereka bersedia untuk dididik, lebih-lebih lagi dalam prasarana yang serba kekurangan seperti tiada sumber elektrik untuk membuat kerja rumah atau mengulang kaji pelajaran. Begitu juga dengan persoalan mengenai peperiksaan, adakah kanak-kanak itu dikehendaki menduduki peperiksaan yang sama dengan mereka yang cukup infrastruktur dan segala-galanya.

"Jika mereka dikehendaki duduk peperiksaan yang sama ia umpama sama seperti pemain bola sepak tempatan yang perlu berlawan dengan pemain luar negara dan diberi gaji lumayan serta sudah mempunyai pengalaman luas dan pencapaian tinggi. Jadi, tidak hairanlah jika terpaksa duduk peperiksaan sama ada yang mendapat keputusan sifar," katanya.

GAMBAR HIASAN

STRATEGI KHUSUS: Guru berpengalaman mampu mencurah ilmu menggunakan kaedah sesuai mengikut latar belakang murid.

FAKTA

Strategi menangani isu kanak-kanak terpinggir:

- Kaji semula latihan perguruan yang lebih banyak fokus dengan keperluan aliran perdana dan bersifat terlalu umum.
- Kaji semula kurikulum sedia ada dan hanya memberi manfaat kepada murid arus perdana yang mendapat pendidikan sempurna di kawasan bandar.
- Mengadakan program peningkatan pendapatan di kalangan masyarakat pedalaman.
- Meningkatkan kesedaran ibu bapa.
- Pembinaan prasekolah di kawasan pedalaman.
- Pendidik perlu tahu mengenai keadaan kehidupan dan budaya pelajar di kawasan pedalaman.
- Pendidik perlu mencari pendekatan berkesan dalam mendidik anak pedalaman.
- Memberi motivasi kepada anak dan ibu bapa agar pentingkan pendidikan.